

20/03/2000

Kuala Langat calon bekas MB

Minarni Mat Saad; Ngadenan Amat Sudari

KUALA LANGAT, Ahad - Bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib sekali lagi menerima pencalonan dari Selangor untuk jawatan naib presiden apabila Umno bahagian Kuala Langat yang bermesyuarat hari ini mencadangkan namanya bersama Menteri Besar, Datuk Seri Abu Hassan Omar dan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian Kuala Langat yang diadakan di Dewan Sri Jugra di sini turut membuat kejutan apabila dua nama lagi dicadangkan untuk jawatan naib presiden menjadikan pertandingan sengit lima penjur.

Sebelum itu, Timbalan Ketua Umno Bahagian, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh mencadangkan tiga nama untuk calon naib presiden iaitu Abu Hassan, Najib dan Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Isa Samad.

Sejurus itu, Timbalan Ketua Umno cawangan Teluk Mengkuang, Baharuddin Daie mencadangkan dua lagi nama iaitu Muhammad dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim.

Cadangan itu mendapat sokongan Ahmad Fuad Sharif dari cawangan Sijangkang Jaya yang memaksa pertandingan lima penjur untuk jawatan naib presiden.

Bagaimanapun, cadangan Ketua Umno Bahagian Kuala Langat Datuk Abdul Fatah Iskandar supaya nama Abu Hassan tidak dipertandingkan menyelamatkan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri itu daripada pertandingan sengit.

Pengundian yang berlangsung itu dipantau oleh Badan Perhubungan Umno Selangor yang diwakili Ketua Wanita Norkhaila Jamaluddin dan rombongan dari Petaling Jaya Selatan.

Dalam pengundian itu, Najib mendapat 201 undi dan Muhammad mendapat 93 undi manakala jumlah undi untuk Isa dan Rais tidak diumumkan.

Sementara itu, mesyuarat mencalonkan Tan Sri Sulaiman Ninam Shah untuk jawatan pengerusi tetap manakala Datuk Seri Onn Ismail dicalonkan bagi jawatan timbalan.

Selain itu, mesyuarat dengan sebulat suara mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk jawatan presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi timbalan presiden.

Sementara itu, Abdul Fatah ketika ditemui selepas mesyuarat, berkata Umno bahagian sudah kerap kali memberikan nasihat dan pandangan supaya ahli Umno bersikap matang dan patuh kepada pucuk pimpinan.

"Tetapi kita terpaksa akur kepada keputusan perwakilan," katanya.

Sementara itu, di Klang, perwakilan Umno bahagian Klang sebulat suara mencalonkan Dr Mahathir untuk jawatan presiden dan Abdullah untuk timbalan presiden.

Tiga nama dicalonkan bagi jawatan naib presiden ialah Abu Hassan, Najib dan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman.

Mesyuarat turut mencalonkan nama Sulaiman untuk jawatan pengerusi tetap dan Onn bagi jawatan timbalan pengerusi tetap.

Di Sabak Bernam pula, mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Sabak Bernam sebulat suara mencalonkan Dr Mahathir dan Abdullah untuk jawatan presiden dan timbalan presiden manakala tiga nama dicalonkan untuk naib presiden iaitu Abu Hassan, Najib dan Abdul Ghani.

(END)